

BAB 6

PELAN PENGURUSAN SPATIAL

Pelan Pengurusan Spatial merupakan rangka asas yang memandu penterjemahan hala tuju strategik negara ke peringkat negeri.

Pelan Pengurusan Spatial merangkumi aspek-aspek ketersediaan spatial (guna tanah dan pengangkutan), kawasan pertumbuhan (Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan, Pusat Katalis dan Pusat Agropolitan), hierarki petempatan, pengurusan sumber (hutan, air, makanan, sumber tenaga dan sumber semula jadi yang lain) dan kawasan berisiko bencana (tsunami, banjir, tanah runtuh, hakisan pantai dan kenaikan paras laut).

Pelan Pengurusan Spatial peringkat negeri disediakan bagi menterjemah hala tuju strategik negara ke peringkat negeri (negeri-negeri di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan) terutamanya bagi hala tuju strategik yang mempunyai implikasi langsung dengan aspek spatial iaitu:

1. Pertumbuhan dan pembangunan bandar dan luar bandar yang seimbang dan bersepadu (PD1 dan PD 2);
2. Hubungan dan akses yang dipertingkatkan dan mampan (PD3);
3. Pengurusan mampan sumber asli, sumber makanan dan sumber warisan (KD1);
4. Pengurusan kawasan berisiko (KD2);
5. Bandar rendah karbon dan infrastruktur mampan (KD3); dan
6. Pembangunan komuniti inklusif (KI1, KI2 dan KI3).

Pelan pengurusan ini hendaklah menjadi asas kepada perancangan kawasan pertumbuhan, kawasan sumber yang perlu dipelihara di samping memastikan perancangan mengambil kira aspek risiko bencana semula jadi. Pelan ini hendaklah diterjemahkan di peringkat rancangan pemajuan iaitu Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan, Rancangan Kawasan Khas dan lain-lain dokumen yang berkaitan.

Objektif utama Pelan Pengurusan Spatial Negeri adalah:

1. Mengurus serta memacu hala tuju pembangunan semasa dan masa hadapan negeri supaya selaras dengan hala tuju pembangunan negara;
2. Memastikan pembangunan negeri yang mengoptimumkan sumber dan infrastruktur sedia ada; dan
3. Menjadi satu mekanisme dan rujukan kepada Pihak Berkuasa Perancangan Negeri dalam membuat keputusan bagi setiap pembangunan serta memantau prestasi rancangan spatial di peringkat negeri.

Tiga (3) Jenis Pelan Pengurusan Spatial Negeri



Pelan Pengurusan Spatial Negeri merangkumi negeri-negeri berikut:

1. Perlis m/s 6 - 8
2. Kedah m/s 6 - 14
3. Pulau Pinang m/s 6 - 20
4. Perak m/s 6 - 26
5. Kelantan m/s 6 - 32
6. Terengganu m/s 6 - 38
7. Pahang m/s 6 - 44
8. Selangor m/s 6 - 50
9. WP Kuala Lumpur m/s 6 - 50
10. WP Putrajaya m/s 6 - 50
11. N.Sembilan m/s 6 - 56
12. Melaka m/s 6 - 62
13. Johor m/s 6 - 68
14. Sabah m/s 6 - 74
15. WP Labuan m/s 6 - 80


Rangka pertumbuhan spatial memberi fokus kepada pembangunan dalam kawasan Konurbasi dan Zon Promosi Pembangunan (ZPP). Kawasan Konurbasi dan ZPP telah ditetapkan bagi seluruh negara bagi tujuan mengimbangi dan mengagihkan pertumbuhan kepada semua negeri mengikut kekuatan masing-masing. Di samping itu, bandar/pekan bersaiz sederhana yang berada di luar ZPP dan Konurbasi akan dikenal pasti sebagai Pusat Katalis mempunyai potensi untuk menjadi fokus dan berperanan sebagai pusat pertumbuhan kawasan tадahan sekitarnya. Terdapat sebanyak enam (6) Konurbasi, 17 ZPP , 48 Pusat Katalis dan 22 Pusat Agropolitan telah dikenal pasti.

Jadual 6.1 Senarai Pusat Pertumbuhan

Negeri	Konurbasi	Zon Promosi Pembangunan (ZPP)	Pusat Katalis	Pusat Agropolitan
Perlis	X	<ul style="list-style-type: none"> Kangar-Arau-Kuala Perlis Padang Besar-Lembah Chuping 	<ul style="list-style-type: none"> Kaki Bukit-Wang Kelian Beseri Pauh Putra 	X
Kedah	X	<ul style="list-style-type: none"> Alor Setar-Jitra Sungai Petani 	<ul style="list-style-type: none"> Bukit Kayu Hitam Kuah Kulim 	<ul style="list-style-type: none"> Sik
Pulau Pinang	Konurbasi Utara	X	X	X
Perak	X	<ul style="list-style-type: none"> Ipoh Lumut-Sitiawan-Seri Manjung 	<ul style="list-style-type: none"> Parit Buntar Gerik Lenggong Kamunting-Taiping Teluk Intan Tanjung Malim 	<ul style="list-style-type: none"> Selama Trolak Manong
Kelantan	X	<ul style="list-style-type: none"> Kota Bharu 	<ul style="list-style-type: none"> Tumpat Rantau Panjang Tok Bali Machang Jeli Gua Musang 	<ul style="list-style-type: none"> Tanah Merah Kuala Krai Lojing
Terengganu	X	<ul style="list-style-type: none"> Kuala Terengganu 	<ul style="list-style-type: none"> Jerteh Kerteh Chukai 	<ul style="list-style-type: none"> Setiu
Pahang	Konurbasi Timur	X	<ul style="list-style-type: none"> Jerantut Bandar Tun Abdul Razak (Jengka) Bandar Muadzam Shah Termerloh-Mentakab Bentong 	<ul style="list-style-type: none"> Raub Kuala Lipis Kuala Rompin
Selangor	Konurbasi Nasional	X	<ul style="list-style-type: none"> Kuala Selangor Sungai Besar Kuala Kubu Bharu 	<ul style="list-style-type: none"> Sekinchan
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Konurbasi Nasional	X	X	X
Wilayah Persekutuan Putrajaya	Konurbasi Nasional	X	X	X
Negeri Sembilan	X	<ul style="list-style-type: none"> Seremban-Nilai-Port Dickson (<i>Malaysia Vision Valley</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> Seri Jempol Gemas Tampin 	<ul style="list-style-type: none"> Kuala Klawang
Melaka	X	<ul style="list-style-type: none"> Bandaraya Melaka Bersejarah 	<ul style="list-style-type: none"> Pulau Sebang Kuala Linggi Sungai Rambai 	
Johor	Konurbasi Selatan	<ul style="list-style-type: none"> Bandar Maharani Bandar Diraja Bandar Penggaram-Kluang 	<ul style="list-style-type: none"> Segamat Mersing 	<ul style="list-style-type: none"> Bandar Tenggara
Wilayah Persekutuan Labuan	X	<ul style="list-style-type: none"> Labuan 	X	X
Sabah	Konurbasi Kota Kinabalu	<ul style="list-style-type: none"> Sandakan Lahad Datu Keningau Tawau 	<ul style="list-style-type: none"> Ranau Kota Belud Kudat Kota Kinabatangan Tongod Semporna Tenom Kimanis Beaufort Sipitang Kota Marudu 	<ul style="list-style-type: none"> Karakit Pitas Abuan Kalabakan Lalampas Sapulut Long Pasia Kemabong
Sarawak	Konurbasi Kuching	Tidak ditetapkan oleh RFN Ke-3	Tidak ditetapkan oleh RFN Ke-3	Tidak ditetapkan oleh RFN Ke-3

Kotak 6.1 Rangka Pertumbuhan Spatial Negara

Pelan Rangka Pertumbuhan Spatial Negara memberi panduan hala tuju pembangunan spatial dan tumpuan kawasan pertumbuhan negara. Di peringkat negeri, pelan ini hendaklah diperincikan sebagai panduan pembangunan spatial negeri menerusi Rancangan Struktur Negeri.



PPS 1 RANGKA PERTUMBUHAN SPATIAL SEMENANJUNG MALAYSIA

PPS 1 menjelaskan kawasan potensi pembangunan negara yang mengambil kira pelbagai kriteria semasa di dalam penentuan jenis pembangunan seperti kawasan tepu bina semasa, pembangunan komited, lebuhraya, landasan keretapi sedia ada, cadangan landasan keretapi berkelajuan tinggi, pelabuhan, dan lapangan terbang.

Pelan ini hendaklah dirujuk sebagai maklumat tambahan di dalam peringkat negeri dan tempatan.

PETUNJUK

ZON PERTUMBUHAM

- Konurbasi
 - Zon Promosi Pembangunan
 - Pusat Katalis

Pusat Ag

- Kawasan Tepu Bina Sedia Ada
 - Kawasan Aset Ekologi dan Jelapang Padi
 - Kawasan Tanaman Komoditi Utama
 - Kawasan Lain-lain Pertanian
 - Badan Air

PENGANGKUTAN

-  PENGANGKOTAN
 Lapangan Terbang
 Pelabuhan
 Jalan Raya
 Laluan Rel Berkembar
 Laluan KTM Pelabuhan Klang - Serendah
 Cadangan Landasan Kereta Api Berkelajuan Tinggi
 Cadangan Landasan Kereta Api Tumpat - Lembah Klang
 Sempadan Antara bandar

SUMBER :
Maklumat asas pelan ini adalah dari sumber berikut


1. Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015
2. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia, 2014
3. Economic Transformation Programme

*Nota :
Rujuk senarai pada jadual 6.1*

Kotak 6.2 Penentuan Konurbasi dan Zon Promosi Pembangunan (ZPP)

Penentuan sempadan Konurbasi dan ZPP adalah secara indikatif di mana ia perlu diperincikan di peringkat negeri sekiranya perlu dan didapati bersesuaian. Penentuan sempadan Konurbasi dan ZPP dilihat dalam aspek:

- 1** Dalam lingkungan radius daripada ibu negeri atau bandar yang lain



- 2** Jumlah penduduk semasa mengikut mukim

Penduduk antara 1,000 - 10,000 orang



Bilangan penduduk melebihi **10,000 orang** keutamaan di dalam pembentukan Konurbasi

Manakala **1,000 orang** untuk pembentukan Zon Promosi Pembangunan

- 3** Jumlah pekerjaan semasa mengikut mukim

Jumlah pekerjaan melebihi **10,000 orang** (keutamaan di dalam pembentukan Konurbasi)



Pekerjaan kurang daripada **10,000 orang** (keutamaan kedua mengikut situasi di dalam pembentukan Konurbasi / ZPP)

- 4** Corak pembangunan semasa dan masa hadapan

- Tepu bina semasa;
- Tepu bina masa hadapan mengikut Rancangan Pemajuan;
- Projek masa hadapan (*Entry Point Project*, Rancangan Malaysia Lima Tahun);
- Jalan raya dan landasan kereta api sedia ada; dan
- Aset negara (rizab hutan dan padi).

- 5** Perhubungan aktiviti ekonomi antara bandar


- Kesediaan kemudahan bagi aktiviti ekonomi di dalam kawasan tadbiran yang lebih luas dan menyokong fungsinya sama ada di peringkat negeri maupun wilayah seperti kawasan pelabuhan, lapangan terbang, pusat kewangan negeri dan pusat pentadbiran negeri. Kesediaan kemudahan ini membentuk perhubungan aktiviti ekonomi antara bandar serta pembentukan aglomerasi antara bandar.

Kotak 6.3 Contoh Penentuan Sempadan ZPP Ipoh


Penentuan sempadan ZPP Ipoh berdasarkan:

1. Radius 45 km dari Ibu Negeri iaitu Ipoh: Bandar terlibat Ipoh, Sungai Siput, Kuala Kangsar, Taiping, Batu Gajah, Gopeng, Kampar, Seri Iskandar, Tapah, Ayer Tawar, dan Pantai Remis-Pengkalan Baharu;
2. Jumlah penduduk semasa mengikut mukim: Rata-rata kawasan yang terlibat bagi setiap mukim adalah melebihi daripada 10,000 orang penduduk;
3. Jumlah pekerjaan semasa mengikut mukim: Rata-rata adalah melebihi daripada 1,000 peluang pekerjaan;
4. Corak pembangunan semasa dan masa hadapan: Guna tanah serta ketersediaan kemudahan pengangkutan semasa dan masa hadapan seperti Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah dan laluan cadangan kereta api berkelajuan tinggi (HSR) berfungsi sebagai pintu masuk utama antara negeri; dan
5. Perhubungan aktiviti ekonomi antara bandar: Ipoh sebagai nod pertumbuhan utama dan disokong oleh Kuala Kangsar, Seri Iskandar, Kampar dan Sitiawan/ Lumut/Manjung.

Jumlah Penduduk Semasa Mengikut Mukim



Perhubungan Aktiviti Ekonomi Antara Bandar




Jumlah Pekerjaan Semasa Mengikut Mukim



Mukim yang mempunyai bilangan penduduk kurang daripada 10,000 orang ambil kira di dalam penentuan ZPP Ipoh

Skala Bilangan Pekerjaan



PENGURUSAN PERSISIRAN PANTAI

Aspek pengurusan pembangunan dan perlindungan persisiran pantai menjadi keutamaan RFN Ke-3. Ini merupakan kesinambungan dasar RFN Ke-2 yang menekankan kepada keperluan melindungi ekosistem persisiran pantai dan memastikan sebarang pembangunan sepanjang zon persisiran pantai dilaksanakan secara mampan.

Kawasan persisiran pantai terbahagi kepada dua (2) zon iaitu:

1. Zon Perlindungan Persisiran Pantai; dan
2. Zon Pembangunan Persisiran Pantai.

Zon Perlindungan Persisiran Pantai merupakan zon yang mempunyai pelbagai habitat dan ekologi semula jadi yang perlu dipelihara dan dilindungi sepenuhnya. Sebarang jenis pembangunan lain **tidak dibenarkan**, sama ada dalam bentuk tebus guna tanah, tambakan tanah atau lain-lain kaedah pembangunan.

Zon Pembangunan Persisiran Pantai merupakan kawasan di mana pembangunan boleh dipertimbangkan, tertakluk kepada kaedah pembangunan. Sebarang pembangunan yang melibatkan tambakan dan/atau tebus guna tanah hendaklah dirujuk kepada MPFN dan Kabinet Negeri bagi Negeri Sabah sebelum Kerajaan negeri mempertimbangkan pembangunan tersebut. Ini bertujuan terutamanya bagi mengawal kesan tambakan/tebus guna terhadap:



Jadual 6.2 Zon Perlindungan Persisiran Pantai dan Zon Pembangunan Persisiran Pantai

Ciri-ciri	Zon Perlindungan Persisiran Pantai	Zon Pembangunan Persisiran Pantai
Kawasan Terlibat	<p>1. Kawasan habitat penting yang terancam iaitu seperti yang dinyatakan di dalam kajian ini (Rujuk Rajah 4.4):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Tapak Persinggahan Burung • Kawasan Rumput Laut • Kawasan Pendaratan Penyu • Tanah Lembar yang mempunyai ekosistem unik <p>2. Kawasan Sensitif Alam Sekitar Persisiran Pantai (KSASPP) di dalam Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Paya Bakau; • Dataran Lumpur; • Hutan Paya Air Tawar; • Hutan Paya Gambut; • Hutan Darat; • Rumput Laut; • Terumbu Karang; • Pulau-pulau; • Tapak Penetasan Penyu; • Kawasan Tuntung; • Kawasan Berkepentingan Burung; dan • Kawasan Larangan Perikanan. <p>3. Kawasan KSAS persisiran pantai yang telah diwartakan di dalam Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan turut dikelaskan sebagai zon perlindungan.</p> <p>4. Habitat penting di dalam kajian-kajian lain turut akan termasuk di dalam zon perlindungan ini.</p>	<p>1. Kawasan yang tidak mempunyai habitat-habitat terancam semasa serta masa hadapan seperti yang dinyatakan dalam RFN Ke-3 dan kajian lain.</p> <p>2. Kawasan di luar KSASPP seperti yang dinyatakan di dalam Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara dan luar kawasan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) yang dinyatakan di dalam Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan.</p> <p>3. Kawasan pelabuhan atau terminal sedia ada dan cadangan masa hadapan</p> <p>4. Kawasan penambakan/tebus guna sedia ada yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri/Persekutuan.</p>
Kaedah Pengurusan	<p>1. Persekitaran semula jadi di zon perlindungan ini perlu dikekalkan bagi membolehkan fungsi semula jadi kawasan ini berfungsi dengan baik. Sebarang pembangunan termasuk tebus guna tanah dan tambakan tanah yang boleh mengubah atau menjelaskan persekitaran semula jadi di zon ini adalah tidak dibenarkan.</p> <p>2. Bagi kawasan yang terjejas akibat hakisan pantai, kerja-kerja perlindungan persisiran pantai hendaklah dilakukan bagi melindungi habitat penting ini.</p> <p>3. Perlindungan persisiran pantai di zon ini hendaklah mesra alam seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penambakan pasir pantai; • Penanaman semula pokok bakau di kawasan paya bakau; dan • Tiub geotekstil dan lain-lain. <p>4. Sebarang jenis perlindungan pantai yang berstruktur yang boleh mengubah keadaan semula jadi kawasan di zon ini adalah tidak dibenarkan.</p>	<p>1. Aktiviti yang dibenarkan hanya boleh dijalankan di kawasan persisiran pantai 5 km ke darat dan 3 batu nautika ke laut (sumber RFZPPN, JPBD Semenanjung Malaysia)</p> <p>2. Memastikan kawasan pembangunan adalah terkawal dan perlu menyediakan laporan EIA dan memenuhi kriteria selamat, terpelihara, produktif dan bebas cemar dan minima gangguan kepada aset pantai.</p> <p>3. Pembangunan perlu merujuk kepada rangka kerja KSAS, RFZPPN, ISMP negeri dan garis panduan kawasan pantai sedia ada dan masa hadapan.</p> <p>4. Selain daripada memenuhi syarat-syarat pembangunan yang sedia ada, sebarang aktiviti penambakan dan tebus guna tanah setelah mendapat nasihat oleh MPFN, perlu juga mengambil kira aspek-aspek yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Impak perubahan iklim, termasuk kenaikan paras laut, bagi tempoh yang tidak kurang 100 tahun; • Kesesuaian reka bentuk dengan bentuk persisiran pantai yang sedia ada; • Kegunaan bahan tebus guna yang tidak tercemar, yang mungkin memberi impak negatif kepada habitat-habitat semula jadi persisiran pantai dan lautan; dan • Kesediaan laluan kepada penduduk tempatan ke kawasan persisiran pantai (kecuali bagi kawasan yang terlarang).

Sumber : Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2014

Perlis

RANGKA PERTUMBUHAN SPATIAL

Rangka ini adalah bertujuan mengurus kawasan pertumbuhan dengan lebih efisien serta memudahkan pengaplikasian cadangan dalam pembangunan guna tanah masa hadapan. Kawasan pertumbuhan yang terbahagi kepada empat (4) kawasan utama iaitu kawasan Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan (ZPP), Pusat Katalis dan Pusat Agropolitan adalah sebagai hab pemangkin pertumbuhan ekonomi di peringkat wilayah dan nasional.

INFO RINGKAS NEGERI

Jumlah keluasan negeri:

**81,372.00
hektar**

Keluasan tumpu bina semasa:

11,500 hektar

Jumlah penduduk (2010):

**226 ribu
penduduk**

Jumlah penduduk (2015):

**248 ribu
penduduk**

Jumlah penduduk (2040 - berdasarkan unjuran RFN Ke-3):

**380 ribu
penduduk**

Nota: Keluasan sempadan negeri adalah berdasarkan maklumat GIS sempadan negeri daripada JUPEM. Keluasan negeri mungkin berbeza dengan keluasan sebenar disebabkan oleh perbezaan data GIS. Namun perbezaan tersebut bersifat marginal dan boleh diterima untuk analisis spatial makro.

Pertumbuhan dan Pembangunan Bandar

dan Luar Bandar yang Seimbang dan Bersepadu

Memperkuuh peranan bandar sebagai pemangkin pembangunan dan menggalakkan pembangunan yang bersepadu di kawasan luar bandar bagi merangsang pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan kukuh

- Mempergiatkan pembangunan di ZPP Kangar-Arau-Kuala Perlis dan ZPP Padang Besar-Lembah Chuping serta Pusat Katalis (Kaki Bukit-Wang Kelian, Beseri dan Pauh Putra);
- Mempertingkatkan peranan bandar sempadan (Wang Kelian dan Padang Besar) dan bandar khas (Arau sebagai Bandar Diraja);
- Memperkuuhkan pelabuhan pintu masuk- pelabuhan darat Padang Besar di Lembah Chuping;
- Meningkatkan rantaian nilai tinggi aktiviti perkhidmatan dan perindustrian;
- Menggalakkan pemuliharaan dan pembangunan semula bandar;
- Meningkatkan aktiviti rantaian nilai bagi aktiviti pertanian;
- Mengukuhkan rantaian aktiviti ekonomi antara luar bandar dan bandar; dan
- Memperluaskan pembangunan infrastruktur di luar bandar.

Rujuk Bab 3,
Bahagian PD1
dan KD2

Hubungan dan Akses yang Dipertingkat dan Mampan

Pembangunan jaringan pengangkutan dan perhubungan yang komprehensif bagi meningkatkan tahap kemudahsampaian dan menyokong pertumbuhan ekonomi

Rujuk Bab
3 dan Bab
4, Bahagian
PD3,KD2 dan
KD3

- Mengutamakan kesinambungan wilayah melalui lebuh raya baharu;
- Mempertingkatkan perhubungan bandar melalui sistem pengangkutan awam yang komprehensif;
- Menggalakkan penggunaan ETS sebagai sistem kereta api utama antara bandar (Laluan KL-Ipoh-Padang Besar) dalam sistem pengangkutan bersepadu wilayah;
- Menambah baik perkhidmatan feri (Kuala Perlis-Langkawi); dan
- Menggalakkan guna tanah berintegrasi bersama perancangan pengangkutan seperti pembangunan berorientasikan transit (TOD).

Pembangunan Komuniti Inklusif

Menggalakkan penglibatan komuniti dalam memperbaiki kualiti persekitaran kehidupan termasuk kawasan kejiranan serta ruang awam

Rujuk Bab 5,
Bahagian KI1
dan KI2


- Menyediakan kesediaan perumahan mampu milik bagi kumpulan sasaran isi rumah B40 dan M40 di kawasan perbandaran;
- Menyediakan akses dan menambah baik kemudahan komuniti berkualiti termasuklah kemudahan persekolahan dan perkhidmatan kesihatan; dan
- Mewujudkan tempat dan kesepadan komuniti melalui memperkuuh kepentingan budaya dan menjadikan ruang awam sebagai ruang kehidupan.

Pembangunan dan Perlindungan Persisiran Pantai

Memastikan pembangunan persisiran pantai secara terkawal bagi melindungi dan mengurangkan gangguan terhadap aset pantai

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD3

- Melindungi dan memelihara kawasan persisiran pantai dan pulau-pulau yang mempunyai kepentingan dari segi kepelbagaiannya biologi dan memainkan peranan dalam aspek ekonomi dan sosial; dan
- Mengawal aktiviti tebus guna tanah di kawasan persisiran pantai dan kawasan sensitif alam sekitar.



RAJAH 6.1 : RANGKA PERTUMBUHAN SPATIAL NEGERI PERLIS

KAWASAN PERTUMBUHAN	KAWASAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN	KAWASAN PERTANIAN	LAIN-LAIN
<ul style="list-style-type: none"> Zon Promosi Pembangunan Pusat Katalis Zon Pembangunan Persisiran Pantai Tepu Bina Sedia Ada Tepu Bina Masa Hadapan Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Sedia Ada) Koridor & Hab Pembangunan Transit Negeri 	<ul style="list-style-type: none"> Hutan Simpanan Kekal & Kawasan Perlindungan Hutan Badan Air 	<ul style="list-style-type: none"> Jelapang Padi Negara Tanaman padi di Luar Jelapang Padi Negara Tanaman Komoditi 	<ul style="list-style-type: none"> Terminal Jalan Raya Lebuhraya Sedia Ada Laluan Feri
HIERARKI PETEMPATAN	NOTA		
<ul style="list-style-type: none"> Bandar Negeri Bandar Tempatan Pekan Petempatan Lain 	 Petempatan sebagai hab pengangkutan transit		



PENGURUSAN SUMBER

Kawasan sumber asli yang terdiri daripada kawasan hutan, habitat semula jadi, sumber air serta sumber mineral, berserta kawasan pertanian untuk pengeluaran makanan dan kawasan warisan semula jadi serta arkeologi merupakan aset negara yang memainkan peranan penting dalam sistem sokongan kehidupan rakyat Malaysia. Sehubungan dengan itu, kawasan-kawasan ini perlu diberi perhatian dari segi usaha pemeliharaan dan pemuliharaannya supaya manfaat daripada kawasan ini terus dikecapi pada masa hadapan.

INFO RINGKAS SUMBER NEGERI

Sumber Makanan:

1 Jelapang Padi

Jumlah hutan simpanan kekal:

17 hutan simpanan kekal

Cadangan hutan simpan:

11 hutan simpan

Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan

Mengukuhkan pengurusan sumber asli, sumber makanan dan sumber warisan negara bagi meningkatkan peranan dan fungsi sumber sebagai aset negara dalam menyokong pembangunan ekonomi dan sosial

- Mengelakkan kawasan Jelapang Padi Muda (MADA)-Sebahagian daripada Perlis Selatan;
- Infrastruktur pengairan perlu diperbaiki di semua jelapang padi dan kawasan luar jelapang padi (skim JPS) bagi membolehkan penanaman 2 kali setahun (intensiti 200%);
- Mewartakan habitat semula jadi yang kurang diberi perhatian dan terdedah kepada perubahan iklim; dan
- Meningkatkan tahap sara-diri dalam komoditi makanan.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD1

Pengurusan Sumber Air yang Mampan

Meningkatkan jaminan dan kelestarian sumber air bagi menampung dan menyokong pembangunan ekonomi serta sosial pada jangka masa panjang

- Mewartakan dan melindungi kawasan hulu lembangan sungai untuk mengekalkan bekalan air (Empangan Timah Tasoh);
- Mempertingkat kualiti sumber air dalam menyediakan bekalan air mampan;
- Melaksanakan penggunaan semula air;
- Membangunkan sumber air bawah tanah; dan
- Mengurus sumber air bawah tanah untuk menjamin ketersediaan air.


Rujuk Bab 4,
Bahagian KD1
dan KD3

Bandar Rendah Karbon dan Infrastruktur Mampan

Pembangunan adalah selaras dengan perancangan jangka masa panjang bagi meningkatkan daya tahan negara melalui penggunaan teknologi yang bersesuaian

- Menggalakkan tenaga biogas dan biojisim di kawasan perladangan;
- Menyediakan garis panduan guna tanah pembangunan tenaga solar (Cadangan di Lembah Chuping dan Taman Teknologi Pauh Putra); dan
- Meningkatkan penggunaan sumber tenaga lain yang boleh diperbaharui seperti sumber angin, mini hidro dan hidro.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD3



RAJAH 6.2 : PENGURUSAN SUMBER NEGERI PERLIS

SUMBER SEMULA JADI	SUMBER MAKANAN	LAIN-LAIN
Hutan Simpanan Kekal (HSK) Kawasan Perlindungan	Jelapang Padi Negara Tanaman Padi di Luar Jelapang Padi Negara	Hutan Pertanian Lain Tepu Bina Sedia Ada Badan Air Tapak Warisan Semula Jadi Lebuh Raya / Jalan Raya Utama Landasan Kereta Api
SUMBER AIR	SUMBER TENAGA	
Kawasan Tadahan Empangan Sedia Ada	Sungai Tanaman Kelapa Sawit	

PENGURUSAN KAWASAN BERISIKO BENCANA SEMULA JADI

Pengenalpastian kawasan risiko bencana semula jadi bertujuan memberi indikasi bagi penelitian lebih terperinci dalam perancangan pembangunan. Penelitian terperinci hendaklah dilaksanakan di peringkat pelan-pelan pembangunan negeri dan pihak berkuasa tempatan serta dalam kelulusan perancangan. Impak bencana semula jadi perlu menjadi antara faktor penelitian dalam perancangan serta dalam membuat keputusan berkaitan pembangunan.

INFO RINGKAS RISIKO BENCANA SEMULA JADI NEGERI

Bilangan petempatan dijangka berisiko banjir:

4 petempatan utama

Jumlah penduduk terkesan risiko banjir:

90.6 ribu penduduk, 40% daripada keseluruhan penduduk

Kawasan Risiko Bencana Semula Jadi Negeri Perlis

- Melaksanakan garis panduan Manual Saliran Mesra alam (MSMA) untuk kawasan bandar dan luar bandar yang sering dilanda banjir;
- Memastikan pengurusan pembangunan yang efektif dalam kawasan mudah banjir;
- Melaksanakan langkah-langkah tebatan banjir untuk melindungi kawasan luar bandar dari banjir;
- Melaksanakan rancangan pengurusan banjir melalui perancangan guna tanah (dalam penyediaan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan) dan penyediaan infrastruktur saliran;
- Memastikan rancangan pembangunan dan perlindungan kawasan persisiran pantai dengan mengambil kira impak perubahan iklim dan bencana alam sekitar; dan
- Mengawal pembangunan kawasan bukit dan tanah tinggi.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD2

Risiko Berlaku Tsunami dan Banjir

- Melibatkan kawasan petempatan utama iaitu di sebahagian Beseri dan Kangar dan sebahagian daripada Arau.

Risiko Berlaku Banjir


- Melibatkan kawasan petempatan utama iaitu di sebahagian Chuping, Arau, Pauh Putra dan Kaki Bukit.

Risiko Berlaku Tanah Runtuh

- Melibatkan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) berketinggian melebihi 300m iaitu di sebahagian HSK Kurong Batang, HSK Bukit Besi Hangit dan HSK Bukit Bintang.

Risiko Berlaku Tsunami

- Melibatkan kawasan petempatan yang terletak di dalam lingkungan 16km daripada persisiran pantai negeri Perlis iaitu Kuala Perlis, Simpang Empat dan sebahagian daripada Arau.



RAJAH 6.3 : PENGURUSAN KAWASAN BERISIKO BENCANA SEMULA JADI NEGERI PERLIS



Kedah

RANGKA PERTUMBUHAN SPATIAL

Rangka ini adalah bertujuan mengurus kawasan pertumbuhan dengan lebih efisien serta memudahkan pengaplikasian cadangan dalam pembangunan guna tanah masa hadapan. Kawasan pertumbuhan yang terbahagi kepada empat (4) kawasan utama iaitu kawasan Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan (ZPP), Pusat Katalis dan Pusat Agropolitan adalah sebagai hab pemangkin pertumbuhan ekonomi di peringkat wilayah dan nasional.

Pertumbuhan dan Pembangunan Bandar

dan Luar Bandar yang Seimbang dan Bersepadu

Memperkuuh peranan bandar sebagai pemangkin pembangunan dan menggalakkan pembangunan yang bersepadu di kawasan luar bandar bagi merangsang pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan kukuh

- Mempergiatkan pembangunan di ZPP Alor Setar-Jitra dan ZPP Sungai Petani serta Pusat Katalis (Kuah, Bukit Kayu Hitam dan Kulim);
- Meningkatkan peranan bandar sempadan (Kota Putra dan Bukit Kayu Hitam);
- Memperkuuhkan peranan lapangan terbang sebagai pemangkin utama ekonomi bandar (Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi);
- Meningkatkan rantaian nilai tinggi aktiviti perkhidmatan dan perindustrian;
- Menggalakkan pemuliharaan dan pembangunan semula bandar;
- Meningkatkan aktiviti rantaian nilai bagi aktiviti pertanian, perikanan dan akuakultur;
- Mengukuhkan rantaian aktiviti ekonomi antara luar bandar dan bandar; dan
- Memperluaskan pembangunan infrastruktur di luar bandar.

Rujuk Bab 3,
Bahagian PD1
dan KD2

Hubungan dan Akses yang Dipertingkat dan Mampan

Pembangunan jaringan pengangkutan dan perhubungan yang komprehensif bagi meningkatkan tahap kemudahsampaian dan memilih untuk menyokong pertumbuhan ekonomi

Rujuk Bab
3 dan Bab
4, Bahagian
PD3,KD2 dan
KD3

- Mempertingkatkan perhubungan bandar melalui sistem pengangkutan awam;
- Menggalakkan penggunaan ETS dan lain-lain perkhidmatan kereta api sebagai sistem kereta api utama antara bandar dalam sistem pengangkutan bersepadu wilayah;
- Menggalakkan guna tanah berintegrasi bersama perancangan pengangkutan seperti pembangunan berorientasikan transit (TOD) atau *smart growth*;
- Membangunkan teksi air dan perkhidmatan feri (Kuala Kedah-Langkawi); dan
- Mempertingkatkan kecekapan logistik dan pengurusan rantaian bekalan.

Rujuk Bab 5,
Bahagian KI1
dan KI2

Pembangunan Komuniti Inklusif

Menggalakkan penglibatan komuniti dalam memperbaiki kualiti persekitaran kehidupan termasuk kawasan kejiranan serta ruang awam

- Menyediakan kesediaan perumahan mampu milik bagi kumpulan sasaran isi rumah B40 dan M40 di kawasan perbandaran;
- Menyediakan akses dan menambah baik kemudahan komuniti berkualiti termasuklah kemudahan persekolahan dan perkhidmatan kesihatan; dan
- Mewujudkan tempat dan kesepaduan komuniti melalui memperkuuh kepentingan budaya dan menjadikan ruang awam sebagai ruang kehidupan.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD3

Pembangunan dan Perlindungan Persisiran Pantai

Memastikan pembangunan persisiran pantai secara terkawal bagi melindungi dan mengurangkan gangguan terhadap aset pantai

- Melindungi dan memelihara kawasan persisiran pantai dan pulau-pulau yang mempunyai kepentingan dari segi kepelbagaiannya biologi dan memainkan peranan dalam aspek ekonomi dan sosial; dan
- Mengawal aktiviti tebus guna tanah di kawasan persisiran pantai dan kawasan sensitif alam sekitar.

Pelan Pengurusan Spatial

INFO RINGKAS NEGERI

Jumlah keluasan negeri:

**948,600.35
hektar**

Keluasan tpu bina semasa:

**113,500
hektar**

Jumlah penduduk (2010):

**1.90 juta
penduduk**

Jumlah penduduk (2015):

**2.09 juta
penduduk**

Jumlah penduduk (2040 - berdasarkan unjuran RFN Ke-3):

**2.84 juta
penduduk**

Nota: Keluasan sempadan negeri adalah berdasarkan maklumat GIS sempadan negeri daripada JUPEM. Keluasan negeri mungkin berbeza dengan keluasan sebenar disebabkan oleh perbezaan data GIS. Namun perbezaan tersebut bersifat marginal dan boleh diterima untuk analisis spatial makro.



PUSAT KATALIS BUKIT KAYU HITAM

Fokus Utama :

- Aktiviti Pelancongan (Bandar Sempadan dan Pintu Masuk Antarabangsa)
- Aktiviti Perindustrian (Taman Perindustrian – Industri berorientasikan eksport, industri komposit dan Taman Industri Sains)
- Aktiviti Perkhidmatan Perniagaan (Hab Pengedaran Antarabangsa Pusat Membeli Belah Bebas Cukai)

THAILAND



PUSAT KATALIS KUAH

Fokus Utama :

- Aktiviti Pelancongan (Pintu Masuk Antarabangsa)
- Aktiviti Perindustrian (Kapal dan Penerbangan)

ZPP ALOR SETAR-JITRA

Fokus Utama :

- Pusat Pentadbiran Negeri
- Pusat Pendidikan dan Institusi Latihan (Hab Pendidikan)
- Aktiviti Pelancongan (Kebudayaan dan Warisan Sejarah)
- Aktiviti Perdagangan dan Kewangan
- Aktiviti Perindustrian (Pusat Pembuatan Wilayah-Regional Operations & Profit Centre)

ZPP SUNGAI PETANI

Fokus Utama :

- Aktiviti Perkhidmatan Perniagaan
- Pusat Pendidikan dan Institusi Latihan
- Aktiviti Perindustrian (Industri Berasaskan Eksport, Elektrik & Elektronik, Pengeluaran Plastik, Polimer & Resin)

PUSAT KATALIS KULIM

Fokus Utama :

- Aktiviti Perindustrian (Kluster Perindustrian Elektrik & Elektronik High-Tech)
- Pusat Pendidikan dan Institusi Latihan (Penyelidikan & Pembangunan (R&D))

PUSAT AGROPOLITAN SIK

Fokus Utama :

- Aktiviti Pelancongan (Agropelancongan & Ekopelancongan)
- Aktiviti Pertanian (Getah dan Buah-buahan)
- Aktiviti Pertanian (Asas Tani)

Sumber

- Olahan daripada sumber berikut :
1. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Kedah, 2015
 2. Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kedah, 2015
 3. Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

Note :
Senarai pelan perlu menyertai kepada
Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara

RAJAH 6.4 : RANGKA PERTUMBUHAN SPATIAL NEGERI KEDAH

KAWASAN PERTUMBUHAN

- Zon Promosi Pembangunan
- Pusat Katalis
- Pusat Agropolitan
- Zon Pembangunan Persisiran Pantai
- Tepu Bina Sedia Ada
- Tepu Bina Masa Hadapan
- Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Sedia Ada)

KAWASAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN

- Hutan Simpanan Kekal & Kawasan Perlindungan
- Hutan
- Badan Air
- Zon Perlindungan Persisiran Pantai

KAWASAN PERTANIAN

- Jelapang Padi Negara
- Tanaman Padi di Luar Jelapang Padi Negara
- Tanaman Komoditi

HIERARKI PETEMPATAN

- Bandar Negeri
- Bandar Utama
- Bandar Tempatan
- Petempatan Lain

LAIN-LAIN

- Terminal
- Lapangan Terbang
- Jalan Raya
- Lebuhraya Sedia Ada
- Jalan Cadangan
- Laluan Feri

NOTA

- Petempatan sebagai hab pengangkutan transit

PENGURUSAN SUMBER

Kawasan sumber asli yang terdiri daripada kawasan hutan, habitat semula jadi, sumber air serta sumber mineral, berserta kawasan pertanian untuk pengeluaran makanan dan kawasan warisan semula jadi serta arkeologi merupakan aset negara yang memainkan peranan penting dalam sistem sokongan kehidupan rakyat Malaysia. Sehubungan dengan itu, kawasan-kawasan ini perlu diberi perhatian dari segi usaha pemeliharaan dan pemuliharaannya supaya manfaat daripada kawasan ini terus dikecapi pada masa hadapan.

INFO RINGKAS SUMBER NEGERI

Jumlah kawasan terumbu karang

3 kawasan

Jumlah kawasan rumput laut

2 kawasan

Jumlah habitat dan tapak penetasan tuntung

3 tapak

Taman laut

Taman Laut Pulau Payar

Jumlah tapak warisan kebangsaan

1 tapak warisan

Jumlah hutan simpanan kekal:

37 hutan simpanan kekal

Kawasan berkepentingan burung

Persisiran Pantai Teluk Air Tawar

Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan

Mengukuhkan pengurusan sumber asli, sumber makanan dan sumber warisan negara bagi meningkatkan peranan dan fungsi sumber sebagai aset negara dalam menyokong pembangunan ekonomi dan sosial

- Melindungi habitat pantai dan laut (rumput laut) melalui penubuhan Rangkaian Kawasan Perlindungan Marin;
- Mengukuhkan inisiatif CFS dan keberkesanan rangkaian koridor ekologi hutan terutamanya di CFS1-SL7, CFS1-SL8,CFS1-PL5 dan CFS1-PL8;
- Mengelakkan kawasan jelapang padi Muda (MADA);
- Infrastruktur pengairan perlu diperbaiki di semua jelapang padi dan kawasan luar jelapang padi (skim JPS) bagi membolehkan penanaman 2 kali setahun (intensiti 200%);
- Mewartakan habitat semula jadi yang terdedah kepada perubahan iklim;
- Mewartakan dan melindungi hutan di kawasan hulu lembangan sungai dan sumber air bawah tanah untuk mengekalkan punca bekalan air; dan
- Mengawal aktiviti tebus guna tanah di kawasan persisiran pantai dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD1

Pengurusan Sumber Air yang Mampan

Meningkatkan jaminan dan kelestarian sumber air bagi menampung dan menyokong pembangunan ekonomi serta sosial pada jangka masa panjang

- Mewartakan dan melindungi hutan di kawasan hulu lembangan sungai untuk mengekalkan punca bekalan air;
- Mempertingkat kualiti sumber air dalam menyediakan bekalan air mampan;
- Melaksanakan penggunaan semula air;
- Membangunkan sumber air bawah tanah; dan
- Mengurus sumber air bawah tanah untuk menjamin ketersediaan air.


Rujuk Bab 4,
Bahagian KD1
dan KD3

Bandar Rendah Karbon dan Infrastruktur Mampan

Pembangunan adalah selaras dengan perancangan jangka masa panjang bagi meningkatkan daya tahan negara melalui penggunaan teknologi yang bersesuaian

- Menggalakkan pembangunan tenaga biogas dan biojisim di kawasan perladangan; dan
- Meningkatkan penggunaan sumber tenaga lain yang boleh diperbaharui seperti sumber angin, tenaga solar, mini hidro dan hidro.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD3



RAJAH 6.5 : PENGURUSAN SUMBER NEGERI KEDAH

SUMBER SEMULA JADI	LAIN-LAIN	
Hutan Simpanan Kekal (HSK)	Hutan	Kawasan Berkepentingan Burung
Kawasan Perlindungan	Pertanian Lain	Kawasan Rumput Laut
SUMBER AIR	Koridor Ekologi	Tapak Warisan Semula Jadi
Kawasan Tadahan Empangan Sedia Ada	CFS : Central Forest Spine	Tapak Warisan Arkeologi
SUMBER MAKANAN	PL : Primary Linkages	Habitat Tuntung Laut
Jelapang Padi Negara	SL : Secondary Linkages	Kawasan Terumbu Karang
Tanaman Padi di Luar Jelapang Padi Negara	Tepu Bina Sedia Ada	Lebuhraya / Jalan Raya Utama
SUMBER TENAGA	Badan Air	Landasan Kereta Api
Sungai	Kawasan Geopark	
Tanaman Kelapa Sawit	Kawasan Taman Laut	

PENGURUSAN KAWASAN BERISIKO BENCANA SEMULA JADI

Pengenapastian kawasan risiko bencana semula jadi bertujuan memberi indikasi bagi penelitian lebih terperinci dalam perancangan pembangunan. Penelitian terperinci hendaklah dilaksanakan di peringkat pelan-pelan pembangunan negeri dan pihak berkuasa tempatan serta dalam kelulusan perancangan. Impak bencana semula jadi perlu menjadi antara faktor penelitian dalam perancangan serta dalam membuat keputusan berkenaan pembangunan.

INFO RINGKAS RISIKO BENCANA SEMULA JADI NEGERI

Bilangan petempatan dijangka berisiko banjir:

7 petempatan utama

Jumlah penduduk terkesan risiko banjir:

1.10 juta penduduk, 58% daripada keseluruhan penduduk

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD2

Kawasan Risiko Bencana Semula Jadi Negeri Kedah

- Melaksanakan garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk kawasan bandar dan luar bandar yang sering dilanda banjir;
- Memastikan pengurusan pembangunan yang efektif dalam kawasan mudah banjir;
- Melaksanakan langkah-langkah tebatan banjir untuk melindungi kawasan luar bandar dari banjir;
- Melaksanakan rancangan pengurusan banjir melalui perancangan guna tanah (dalam penyediaan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan) dan penyediaan infrastruktur saliran;
- Memastikan rancangan pembangunan dan perlindungan kawasan persisiran pantai dengan mengambil kira impak perubahan iklim dan bencana alam sekitar; dan
- Mengawal pembangunan kawasan bukit dan tanah tinggi.

Risiko Berlaku Tsunami dan Banjir

- Melibatkan kawasan petempatan utama iaitu di sebahagian besar Bandaraya Alor Setar dan Sungai Petani.

Risiko Berlaku Banjir

- Melibatkan kawasan petempatan utama iaitu di sebahagian besar Jitra, Kuala Nerang, Bandar Baru Beris Jaya, Padang Serai, Kuala Ketil, Kupang dan Bukit Selambau.

Risiko Berlaku Tanah Runtuh

- Melibatkan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) berketinggian melebihi 300m iaitu di sebahagian besar HSK Koh Moi, HSK Sungai Badak, HSK Bukit Perangin, HSK Bukit Perak, HSK Gunung Jerai, HSK Bukit Enggang, HSK Rimba Telo, HSK Gunung Inas dan HSK Gunung Bongsu.

Risiko Berlaku Hakisan Pantai

- Tahap 5: Sepanjang Tebengau, Kampung Kuala Sungai Dulang Kecil, Pulau Sayak dan Pantai Merdeka; dan
- Tahap 4: Kuala Sedeka dan sebahagian Pantai Tebengau.

Risiko Berlaku Tsunami

- Melibatkan kawasan petempatan yang terletak di dalam lingkungan 16km daripada persisiran pantai negeri Ayer Hitam, Kuala Kedah, Yan, Pendang, Guar Chempedak, Gurun, Sungai Lalang dan Sungai Petani.



RAJAH 6.6 : PENGURUSAN KAWASAN BERISIKO BENCANA SEMULA JADI NEGERI KEDAH



Pulau Pinang

RANGKA PERTUMBUHAN SPATIAL

Rangka ini adalah bertujuan mengurus kawasan pertumbuhan dengan lebih efisien serta memudahkan pengaplikasian cadangan dalam pembangunan guna tanah masa hadapan. Kawasan pertumbuhan yang terbahagi kepada empat (4) kawasan utama iaitu kawasan Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan (ZPP), Pusat Katalis dan Pusat Agropolitan adalah sebagai hab pemangkin pertumbuhan ekonomi di peringkat wilayah dan nasional.

INFO RINGKAS NEGERI

Jumlah keluasan negeri:

104,616.22 hektar

Keluasan tumpu bina semasa:

62,500 hektar

Jumlah penduduk (2010):

1.53 juta penduduk

Jumlah penduduk (2015):

1.66 juta penduduk

Jumlah penduduk (2040 - berdasarkan unjuran RFN Ke-3):

2.06 juta penduduk

Nota: Keluasan sempadan negeri adalah berdasarkan maklumat GIS sempadan negeri daripada JUPEM. Keluasan negeri mungkin berbeza dengan keluasan sebenar disebabkan oleh perbezaan data GIS. Namun perbezaan tersebut bersifat marginal dan boleh diterima untuk analisis spatial makro.

Pertumbuhan Bandar yang Seimbang dan Pembangunan

Guna Tanah yang Holistik

Memperkuuh peranan bandar sebagai pemangkin pembangunan dan menggalakkan pembangunan yang bersepadu di kawasan luar bandar bagi merangsang pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan kukuh

- Mempergiatkan pembangunan di Konurbasi Utara
- Mempertingkatkan daya saing bandar Bandaraya George Town sebagai Bandar Wilayah;
- Memperkuuhkan peranan lapangan terbang sebagai pemangkin utama ekonomi bandar (Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang);
- Meningkatkan rantaian nilai tinggi aktiviti perkhidmatan dan perindustrian; dan
- Menggalakkan pemuliharaan dan pembangunan semula bandar;
- Meningkatkan aktiviti rantaian nilai bagi aktiviti pertanian, perikanan dan akuakultur;
- Mengukuhkan rantaian aktiviti ekonomi antara luar bandar dan bandar; dan
- Memperluaskan pembangunan infrastruktur di luar bandar.

Rujuk Bab 3,
Bahagian PD1
dan KD2

Hubungan dan Akses yang Dipertingkat dan Mampan

Pembangunan jaringan pengangkutan dan perhubungan yang komprehensif bagi meningkatkan tahap kemudahsampaian dan memilih untuk menyokong pertumbuhan ekonomi

- Mempertingkatkan perhubungan bandar melalui sistem pengangkutan awam;
- Menggalakkan penggunaan ETS dan lain-lain perkhidmatan kereta api sebagai sistem kereta api utama antara bandar dalam sistem pengangkutan bersepadu wilayah;
- Menggalakkan guna tanah berintegrasi bersama perancangan pengangkutan seperti pembangunan berorientasikan transit (TOD);
- Membangunkan teksi air dan perkhidmatan feri; dan
- Mempertingkatkan kecekapan logistik dan pengurusan rantaian bekalan.

Rujuk Bab 3 dan Bab 4, Bahagian PD3,KD2 dan KD3

Pembangunan Komuniti Inklusif

Menggalakkan penglibatan komuniti dalam memperbaiki kualiti persekitaran kehidupan termasuk kawasan kejiranan serta ruang awam

Rujuk Bab 5,
Bahagian KI1
dan KI2


- Menyediakan kesediaan perumahan mampu milik bagi kumpulan sasaran isi rumah B40 dan M40 di kawasan perbandaran;
- Menyediakan akses dan menambah baik kemudahan komuniti berkualiti termasuklah kemudahan persekolahan dan perkhidmatan kesihatan; dan
- Mewujudkan tempat dan kesepaduan komuniti melalui memperkuuh kepentingan budaya dan menjadikan ruang awam sebagai ruang kehidupan

Pembangunan dan Perlindungan Persisiran Pantai

Kawasan sumber asli yang terdiri daripada kawasan hutan, habitat semula jadi, sumber air serta sumber mineral, berserta kawasan pertanian untuk pengeluaran makanan dan kawasan warisan semula jadi serta arkeologi merupakan aset negara yang memainkan peranan penting dalam sistem sokongan kehidupan rakyat Malaysia. Sehubungan dengan itu, kawasan-kawasan ini perlu diberi perhatian dari segi usaha pemeliharaan dan pemuliharaannya supaya manfaat daripada kawasan ini terus dikecapi pada masa hadapan.

INFO RINGKAS SUMBER NEGERI

Jumlah sumber air dan tenaga:

4 kawasan

Jumlah tapak pendaratan penyu:

11 tapak

Jumlah kawasan rumput laut:

3 kawasan

Jumlah hutan simpanan kekal:

5 hutan simpanan kekal

Jumlah kawasan berkepentingan burung:

1 kawasan

Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan

Mengukuhkan pengurusan sumber asli, sumber makanan dan sumber warisan negara bagi meningkatkan peranan dan fungsi sumber sebagai aset negara dalam menyokong pembangunan ekonomi dan sosial

- Melindungi habitat pantai dan laut melalui penubuhan Rangkaian Kawasan Perlindungan Marin (Tapak Pendaratan Penyu di Pulau Upah, Padang Kamunting, Pasir Gembur, Pantai Kem Terendak dan sekitar Kuala Sungai Baru);
- Mewartakan habitat semula jadi yang kurang diberi perhatian dan mudah terdedah kepada perubahan iklim; dan
- Meningkatkan tahap sara-diri (*self-sufficiency*) dalam komoditi makanan (Padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lain).

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD1

Pengurusan Sumber Air yang Mampan

Meningkatkan jaminan dan kelestarian sumber air bagi menampung dan menyokong pembangunan ekonomi serta sosial pada jangka masa panjang

- Pemantauan pengekstrakan air bawah tanah di Bemban dan Jasin;
- Mewartakan dan melindungi hutan di kawasan hulu lembangan sungai untuk mengekalkan punca bekalan air;
- Mempertingkat kualiti sumber air dalam menyediakan bekalan air mampan;
- Melaksanakan penggunaan semula air; dan
- Mengurus sumber air bawah tanah untuk menjamin ketersediaan air.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD1
dan KD3

Bandar Rendah Karbon dan Infrastruktur Mampan

Pembangunan adalah selaras dengan perancangan jangka masa panjang bagi meningkatkan daya tahan negara melalui penggunaan teknologi yang bersesuaian

- Menggalakkan pembangunan tenaga biogas dan biojisim di kawasan perladangan; dan
- Meningkatkan penggunaan sumber tenaga lain yang boleh diperbaharui seperti sumber angin, tenaga solar, mini hidro dan hidro.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD3



RAJAH 6.29 : PENGURUSAN SUMBER NEGERI MELAKA

SUMBER SEMULA JADI

- [Green square] Hutan Simpanan Kekal (HSK)
- [Light green square] Kawasan Perlindungan

SUMBER AIR

- [Blue square] Kawasan Tadahan Empangan Sedia Ada

SUMBER MAKANAN

- [Yellow square] Tanaman Padi di Luar Jelapang Padi Negara

SUMBER TENAGA

- [Blue wavy line] Sungai
- [Yellow square] Tanaman Kelapa Sawit

LAIN-LAIN

- [Green square] Hutan
- [Light yellow square] Pertanian Lain
- [Grey square] Tepu Bina Sedia Ada

- [Light blue square] Badan Air
- [Green circle] Kawasan Rumput Laut
- [Red circle with arrow] Kawasan Pendaratan Penyu
- [Pink circle with bird] Kawasan Berkepentingan Burung
- [Blue circle with tree] Tapak Warisan Dunia UNESCO
- [Red dot] Kawasan Terumbu Karang
- [Blue wavy line] Lebuhraya / Jalan Raya Utama
- [Grey wavy line] Landasan Kereta Api



PENGURUSAN KAWASAN BERISIKO BENCANA SEMULA JADI

Pengenapstian kawasan risiko bencana semula jadi bertujuan memberi indikasi bagi penelitian lebih terperinci dalam perancangan pembangunan. Penelitian terperinci hendaklah dilaksanakan di peringkat pelan-pelan pembangunan negeri dan pihak berkuasa tempatan serta dalam kelulusan perancangan. Impak bencana semula jadi perlu menjadi antara faktor penelitian dalam perancangan serta dalam membuat keputusan berkenaan pembangunan.

INFO RINGKAS RISIKO BENCANA SEMULA JADI NEGERI

Bilangan petempatan dijangka berisiko banjir:

7 petempatan utama

Jumlah penduduk dianggar terkesan risiko banjir:

625 ribu penduduk, 79% daripada jumlah keseluruhan penduduk

Kawasan Risiko Bencana Semula Jadi Negeri Melaka

- Melaksanakan garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk kawasan bandar dan luar bandar yang sering dilanda banjir;
- Memastikan pengurusan pembangunan yang efektif dalam kawasan mudah banjir;
- Melaksanakan langkah-langkah tebatan banjir untuk melindungi kawasan luar bandar dari banjir;
- Melaksanakan rancangan pengurusan banjir melalui perancangan guna tanah (dalam penyediaan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan) dan penyediaan infrastruktur saliran;
- Memastikan rancangan pembangunan dan perlindungan kawasan persisiran pantai dengan mengambil kira impak perubahan iklim dan bencana alam sekitar; dan
- Mengawal pembangunan kawasan bukit dan tanah tinggi.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD2

Risiko Berlaku Banjir

- Melibatkan kawasan petempatan utama iaitu Alor Gajah, Durian Tunggal, Batu Berendam, Cheng, Bandaraya Melaka Bersejarah, Jasin dan Kuala Linggi.

Risiko Berlaku Tanah Runtuh

- Melibatkan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) berketinggian melebihi 300m iaitu di sebahagian kawasan HSK Batang Melaka dan HSK Senggeh.

Risiko Berlaku Hakisan Pantai

- Tahap 4 : Sebahagian persisiran Pantai Pengkalan Balak dan muara sungai Kuala Sungai Baru.



RAJAH 6.30 : PENGURUSAN KAWASAN BERISIKO BENCANA SEMULA JADI NEGERI MELAKA

RISIKO BENCANA SEMULA JADI

- Risiko Berlaku Banjir
- Risiko Berlaku Tanah Runtuh
- Risiko Berlaku Bencana adalah Rendah

BACAAN UNJURAN KENAIKAN ARAS LAUT DI PELABUHAN

- 2040 Unjuran Tahun 2040
- 2100 Unjuran Tahun 2100

TAHAP HAKISAN PANTAI

- Tahap 5 : Sangat Tinggi
- Tahap 4 : Tinggi
- Tahap 3 : Sederhana
- Tahap 2 : Rendah
- Tahap 1 : Sangat Rendah

LAIN-LAIN

- Kawasan Tepu Bina Sedia Ada dan Masa Hadapan
- Bandar Utama
- △ Pekan / Petempatan Kecil / Kampung
- ~ Sungai
- ▲ Sempadan Negeri / Daerah / Mukim

Johor

RANGKA PERTUMBUHAN SPATIAL

Rangka ini adalah bertujuan mengurus kawasan pertumbuhan dengan lebih efisien serta memudahkan pengaplikasian cadangan dalam pembangunan guna tanah masa hadapan. Kawasan pertumbuhan yang terbahagi kepada empat (4) kawasan utama iaitu kawasan Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan (ZPP), Pusat Katalis dan Pusat Agropolitan adalah sebagai hab pemangkin pertumbuhan ekonomi di peringkat wilayah dan nasional.

INFO RINGKAS NEGERI

Jumlah Keluasan Negeri:

1,919,204.37 hektar

Keluasan tumpu bina semasa:

195,100 hektar

Jumlah penduduk (2010):

3.23 juta penduduk

Jumlah penduduk (2015):

3.55 juta penduduk

Jumlah penduduk (2040 - berdasarkan unjuran RFN Ke-3):

4.68 juta penduduk

Nota: Keluasan sempadan negeri adalah berdasarkan maklumat GIS sempadan negeri daripada JUPEM. Keluasan negeri mungkin berbeza dengan keluasan sebenar disebabkan oleh perbezaan data GIS. Namun perbezaan tersebut bersifat marginal dan boleh diterima untuk analisis spatial makro.

Pertumbuhan Bandar yang Seimbang dan Pembangunan

Guna Tanah yang Holistik

Memperkuuh peranan bandar sebagai pemangkin pembangunan dan menggalakkan pembangunan yang bersepadu di kawasan luar bandar bagi merangsang pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan kukuh

- Mempertingkatkan peranan pembangunan koridor Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia;
- Mempergiat pembangunan di ZPP Bandar Maharani Bandar Diraja dan ZPP Bandar Penggaram-Kluang serta Pusat Katalis (Segamat dan Mersing);
- Mempertingkatkan daya saing bandar- Bandaraya Johor Bahru sebagai Bandar Wilayah;
- Memperkuuhkan pelabuhan pintu masuk- Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai, Pelabuhan Darat Segamat, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Langsat;
- Menggalakkan pemuliharaan dan pembangunan semula bandar;
- Membangunkan Bandar Tenggara sebagai pusat agropolitan; dan
- Memperluaskan pembangunan infrastruktur di luar bandar.

Rujuk Bab 3,
Bahagian PD1
dan KD2

Hubungan dan Akses yang Dipertingkat dan Mampan

Pembangunan jaringan pengangkutan dan perhubungan yang komprehensif bagi meningkatkan tahap kemudahsampaian dan memilih untuk menyokong pertumbuhan ekonomi

- Mempertingkatkan perhubungan bandar melalui sistem pengangkutan awam;
- Cadangan HSR- Stesen HSR Muar, Batu Pahat dan Nusajaya;
- Perkhidmatan ETS- Stesen ETS Segamat, Generang Labis, Bekok, Paloh, Kluang, Mengkibol, Rengam, Layang-Layang, Kepas Baru, Kulai,Johor Bahru;
- Membangunkan teksi air dan memperkuuhkan perkhidmatan feri (Johor-Singapura dan Indonesia); dan
- Meningkatkan perhubungan udara serantau dan tempatan Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai.

Rujuk Bab
3 dan Bab
4, Bahagian
PD3,KD2 dan
KD3

Pembangunan Komuniti Inklusif

Menggalakkan penglibatan komuniti dalam memperbaiki kualiti persekitaran kehidupan termasuk kawasan kejiranan serta ruang awam

- Menyediakan kesediaan perumahan mampu milik bagi kumpulan sasaran isi rumah B40 dan M40 di kawasan perbandaran;
- Menyediakan akses dan menambah baik kemudahan komuniti berkualiti termasuklah kemudahan persekolahan dan perkhidmatan kesihatan; dan
- Mewujudkan tempat dan kesepaduan komuniti melalui memperkuuh kepentingan budaya dan menjadikan ruang awam sebagai ruang kehidupan.


Rujuk Bab 5,
Bahagian KI1
dan KI2

Pembangunan dan Perlindungan Persisiran Pantai

Memastikan pembangunan persisiran pantai secara terkawal bagi melindungi dan mengurangkan gangguan terhadap aset pantai

- Melindungi dan memelihara kawasan persisiran pantai dan pulau-pulau yang mempunyai kepentingan dari segi kepelbagaiannya biologi dan memainkan peranan dalam aspek ekonomi dan sosial; dan
- Mengawal aktiviti tebus guna tanah di kawasan persisiran pantai dan kawasan sensitif alam sekitar.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD3



RAJAH 6.31 : RANGKA PERTUMBUHAN SPATIAL NEGERI JOHOR

KAWASAN PERTUMBUHAN	KORIDOR & HAB PEMBANGUNAN	KAWASAN PERTANIAN	LAIN-LAIN
■ Konurbasi	■■■■ Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Cadangan)	■ Tanaman Padi di Luar Jelapang Padi Negara	■ Pelabuhan
■ Zon Promosi Pembangunan	■■■■ Koridor & Hab Pembangunan Transit Negeri	■■■■ Tanaman Komoditi	■ Terminal
■ Pusat Katalis			■ Jeti Penumpang
■ Pusat Agropolitan			■ Lapangan Terbang
■■■■ Zon Pembangunan Persirian Pantai			■ Jalan Raya
■■■■■ Tepu Bina Sedia Ada			■ Lebuhraya Sedia Ada
■■■■■ Tepu Bina Masa Hadapan			■ Lebuhraya Cadangan
■■■■■ Koridor & Hab Pembangunan Transit Nasional (Sedia Ada)			■ Laluan Feri
KAWASAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN	Hutan Simpanan Kekal & Kawasan Perlindungan	HIERARKI PETEMPATAN	NOTA
	■■■■■ Hutan	● Bandar Wilayah	
	■■■■■ Badan Air	● Bandar Utama	
	■■■■■ Zon Perlindungan Persirian Pantai	● Bandar Tempatan	
			● Petempatan sebagai hab pengangkutan transit



PENGURUSAN SUMBER

Kawasan sumber asli yang terdiri daripada kawasan hutan, habitat semula jadi, sumber air serta sumber mineral, berserta kawasan pertanian untuk pengeluaran makanan dan kawasan warisan semula jadi serta arkeologi merupakan aset negara yang memainkan peranan penting dalam sistem sokongan kehidupan rakyat Malaysia. Sehubungan dengan itu, kawasan-kawasan ini perlu diberi perhatian dari segi usaha pemeliharaan dan pemuliharaannya supaya manfaat daripada kawasan ini terus dikehendaki pada masa hadapan.

INFO RINGKAS SUMBER NEGERI

Jumlah kawasan berkepentingan burung:

2 kawasan

Jumlah sumber air dan tenaga:

15 empangan

Jumlah tapak pendaratan penyuh:

4 kawasan

Jumlah kawasan terumbu karang:

14 kawasan

Jumlah kawasan rumput laut:

15 kawasan

Koridor ekologi berisiko:

4 koridor

Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan

Mengukuhkan pengurusan sumber asli, sumber makanan dan sumber warisan negara bagi meningkatkan peranan dan fungsi sumber sebagai aset negara dalam menyokong pembangunan ekonomi dan sosial

- Mengukuhkan inisiatif CFS dan keberkesanannya rangkaian koridor ekologi hutan terutamanya di CFS2-SL5: Hutan Simpan Panti-Hutan Simpan Kuala Sedili;
- Melindungi habitat pantai dan laut (rumput laut) melalui penubuhan Rangkaian Kawasan Perlindungan Marin;
- Infrastruktur pengairan perlu diperbaiki di semua jelapang padi dan kawasan luar jelapang padi (skim JPS) bagi membolehkan penanaman 2 kali setahun (intensiti 200%);
- Kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) untuk sayuran dan buah-buahan dan bilangan Zon Industri Akuakultur perlu dipertingkatkan;
- Mewartakan habitat semula jadi yang terdedah kepada perubahan iklim; dan
- Memastikan pengurusan dan pembangunan sumber mineral (Aktiviti Perlombongan) yang mampan.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD1

Pengurusan Sumber Air yang Mampan

Meningkatkan jaminan dan kelestarian sumber air bagi menampung dan menyokong pembangunan ekonomi serta sosial pada jangka masa panjang

- Mewartakan dan melindungi hutan di kawasan hulu lembangan sungai untuk mengekalkan punca bekalan air;
- Mempertingkat kualiti sumber air dalam menyediakan bekalan air mampan;
- Melaksanakan penggunaan semula air;
- Membangunkan sumber air bawah tanah; dan
- Mengurus sumber air bawah tanah untuk menjamin ketersediaan air.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD1
dan KD3

Bandar Rendah Karbon dan Infrastruktur Mampan

Pembangunan adalah selaras dengan perancangan jangka masa panjang bagi meningkatkan daya tahan negara melalui penggunaan teknologi yang bersesuaian

- Menggalakkan pembangunan tenaga biogas dan biojisim di kawasan perladangan; dan
- Meningkatkan penggunaan sumber tenaga lain yang boleh diperbaharui seperti sumber angin, tenaga solar, mini hidro dan hidro.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD3



RAJAH 6.32 : PENGURUSAN SUMBER NEGERI JOHOR



PENGURUSAN KAWASAN BERISIKO BENCANA SEMULA JADI

Pengenalpastian kawasan risiko bencana semula jadi bertujuan memberi indikasi bagi penelitian lebih terperinci dalam perancangan pembangunan. Penelitian terperinci hendaklah dilaksanakan di peringkat pelan-pelan pembangunan negeri dan pihak berkuasa tempatan serta dalam kelulusan perancangan. Impak bencana semula jadi perlu menjadi antara faktor penelitian dalam perancangan serta dalam membuat keputusan berkaitan pembangunan.

INFO RINGKAS RISIKO BENCANA SEMULA JADI NEGERI

Bilangan petempatan dijangka berisiko banjir:

26 petempatan utama

Jumlah penduduk dianggar terkesan risiko banjir:

2.92 juta penduduk, 90% daripada jumlah keseluruhan penduduk

Kawasan Risiko Bencana Semula Jadi Negeri Johor

- Melaksanakan garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk kawasan bandar dan luar bandar yang sering dilanda banjir;
- Memastikan pengurusan pembangunan yang efektif dalam kawasan mudah banjir;
- Melaksanakan langkah-langkah tebatan banjir untuk melindungi kawasan luar bandar dari banjir;
- Melaksanakan rancangan pengurusan banjir melalui perancangan guna tanah (dalam penyediaaan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan) dan penyediaan infrastruktur saliran;
- Memastikan rancangan pembangunan dan perlindungan kawasan persisiran pantai dengan mengambil kira impak perubahan iklim dan bencana alam sekitar; dan
- Mengawal pembangunan kawasan bukit dan tanah tinggi.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD2

Risiko Berlaku Banjir

- Melibatkan kawasan petempatan utama iaitu Buloh Kasap, Batu Anam, Segamat, Bukit Kepong, Bukit Gambir, Pagoh, Bukit Bakri, Bandar Maharani Bandar Diraja, Parit Sulong, Yong Peng, Bandar Penggaram, Parit Raja, Air Hitam, Pontian Kechil, Pekan Nenas, Kulai, Senai, Skudai, Iskandar Puteri, Johor Bahru, Kota Tinggi, Mawai, Tanjung Sedili, Jemaluang dan Mersing.

Risiko Berlaku Tanah Runtuh

- Melibatkan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) berketinggian melebihi 300m iaitu Taman Negara Gunung Ledang.

Risiko Berlaku Hakisan Pantai

- Tahap 5: Persisiran Pantai Kukup, Tanjung Piai dan muara Sungai Pulai; dan
- Tahap 4: Sepanjang persisiran Pantai Tanjung Balau, Sungai Pendas ke muara Sungai Pulai, Pontian Kechil, Pantai Ayer Baloi, Pantai Punggor, dan Sungai Balang ke muara Sungai Batu Pahat.



RAJAH 6.33 : PENGURUSAN KAWASAN BERISIKO BENCANA SEMULA JADI NEGERI JOHOR

RISIKO BENCANA SEMULA JADI

- Risiko Berlaku Banjir
- Risiko Berlaku Tanah Runtuh
- Risiko Berlaku Bencana adalah Rendah

BACAAN UNJURAN KENAIKAN ARAS LAUT DI PELABUHAN

- Unjuran Tahun 2040
- Unjuran Tahun 2100

TAHAP HAKISAN PANTAI

- Tahap 5 : Sangat Tinggi
- Tahap 4 : Tinggi
- Tahap 3 : Sederhana
- Tahap 2 : Rendah
- Tahap 1 : Sangat Rendah

LAIN-LAIN

- Kawasan Tepu Bina Sedia Ada dan Masa Hadapan
- Bandar Utama
- Pekan / Petempatan Kecil / Kampung
- Sungai
- Sempadan Negeri / Daerah / Mukim

Sabah

RANGKA PERTUMBUHAN SPATIAL

Rangka ini adalah bertujuan mengurus kawasan pertumbuhan dengan lebih efisien serta memudahkan pengaplikasian cadangan dalam pembangunan guna tanah masa hadapan. Kawasan pertumbuhan yang terbahagi kepada empat (4) kawasan utama iaitu kawasan Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan (ZPP), Pusat Katalis dan Pusat Agropolitan adalah sebagai hab pemangkin pertumbuhan ekonomi di peringkat wilayah dan nasional.

INFO RINGKAS NEGERI

Jumlah penduduk (2010):

3.12 juta penduduk

Jumlah penduduk (2015):

3.74 juta penduduk

Jumlah penduduk (2040 - berdasarkan unjuran RFN Ke-3):

6.0 juta penduduk

Nota: Keluasan sempadan negeri adalah berdasarkan maklumat GIS sempadan negeri daripada JUPEM. Keluasan negeri mungkin berbeza dengan keluasan sebenar disebabkan oleh perbezaan data GIS. Namun perbezaan tersebut bersifat marginal dan boleh diterima untuk analisis spatial makro.

Pertumbuhan Bandar yang Seimbang dan Pembangunan Guna Tanah yang Holistik

Memperkuuh peranan bandar sebagai pemangkin pembangunan dan menggalakkan pembangunan yang bersepadu di kawasan luar bandar bagi merangsang pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan kukuh

- Mempertingkatkan peranan pembangunan Koridor Pembangunan Sabah;
- Mempergiat pembangunan di Konurbasi Kota Kinabalu, ZPP (Sandakan, Lahad Datu, Keningau dan Tawau) serta Pusat Katalis (Ranau, Kota Belud, Kudat, Kota Kinabatangan, Tongod, Semporna, Tenom, Kimanis, Beaufort dan Sipitang);
- Memperkuuhkan tahap daya saing Bandaraya Kota Kinabalu sebagai bandar wilayah;
- Menambah baik nilai tambah aktiviti perkhidmatan di bandar-bandar sederhana dan kecil;
- Memperkuuhkan pintu masuk seperti lapangan terbang (Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu) dan pelabuhan laut (Pelabuhan Sepanggar dan lain-lain pelabuhan laut);
- Membangunkan Pusat Agropolitan di Sabah;
- Meningkatkan aktiviti rantaian nilai bagi aktiviti pertanian, perikanan dan akuakultur;
- Mengukuhkan rantaian aktiviti ekonomi antara luar bandar dan bandar; dan
- Memperluaskan pembangunan infrastruktur di luar bandar.

Rujuk Bab 3,
Bahagian PD1
dan KD2

Hubungan dan Akses yang Dipertingkat dan Mampan

Pembangunan jaringan pengangkutan dan perhubungan yang komprehensif bagi meningkatkan tahap kemudahsampaian dan memilih untuk menyokong pertumbuhan ekonomi

Rujuk Bab 3 dan Bab 4, Bahagian PD3,KD2 dan KD3

- Mengutamakan kesinambungan wilayah melalui Lebuhraya Pan Borneo;
- Mempertingkatkan perhubungan bandar melalui pembangunan sistem pengangkutan awam yang menyeluruh serta merangsang penggunaan mod pengangkutan awam rendah karbon;
- Menggalakkan perkhidmatan kereta api sebagai sistem kereta api utama antara bandar dalam sistem pengangkutan bersepadu wilayah; dan
- Membangunkan teksi air dan perkhidmatan feri.

Pembangunan Komuniti Inklusif

Menggalakkan penglibatan komuniti dalam memperbaiki kualiti persekitaran kehidupan termasuk kawasan kejiranan serta ruang awam

Rujuk Bab 5,
Bahagian KI1
dan KI2


- Menyediakan kesediaan perumahan mampu milik bagi kumpulan sasaran isi rumah B40 dan M40 di kawasan perbandaran;
- Menyediakan akses dan menambah baik kemudahan komuniti berkualiti termasuklah kemudahan persekolahan dan perkhidmatan kesihatan; dan
- Mewujudkan tempat dan kesepaduan komuniti melalui memperkuuh kepentingan budaya dan menjadikan ruang awam sebagai ruang kehidupan.

Pembangunan dan Perlindungan Persisiran Pantai

Memastikan pembangunan persisiran pantai secara terkawal bagi melindungi dan mengurangkan gangguan terhadap aset pantai


Rujuk Bab 4,
Bahagian KD3

- Melindungi dan memelihara kawasan persisiran pantai dan pulau-pulau yang mempunyai kepentingan dari segi kepelbagaiannya biologi dan memainkan peranan dalam aspek ekonomi dan sosial; dan
- Mengawal aktiviti tebus guna tanah di kawasan persisiran pantai dan kawasan sensitif alam sekitar.



RAJAH 5.2 : RANGKA PERTUMBUHAN SPATIAL NEGERI SABAH

RAJAH 6.34



KAWASAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN

- [Green square] Hutan Simpanan Kekal & Kawasan Perlindungan
- [Light Green square] Hutan
- [Light Blue square] Badan Air
- [Red square] Zon Perlindungan Persisiran Pantai

KAWASAN PERTANIAN

- [Yellow circle] Tanaman Padi di Luar Jelapang Padi
- [Light Green circle] Tanaman Komoditi
- [Pink circle] Bandar Wilayah
- [Purple circle] Bandar Utama
- [Orange circle] Bandar Tempatan
- [Blue circle] Pekan

LAIN-LAIN

- [Blue diamond] Pelabuhan
- [Cyan diamond] Terminal
- [White diamond with black cross] Lapangan Terbang
- [Wavy line] Jalan Raya
- [Wavy line with pink dots] Lebuhraya Cadangan
- [Solid grey line] Jambatan Cadangan

NOTA

- [Two pink circles] Petempatan sebagai hab pengangkutan transit

PENGURUSAN SUMBER

Kawasan sumber asli yang terdiri daripada kawasan hutan, habitat semula jadi, sumber air serta sumber mineral, berserta kawasan pertanian untuk pengeluaran makanan dan kawasan warisan semula jadi serta arkeologi merupakan aset negara yang memainkan peranan penting dalam sistem sokongan kehidupan rakyat Malaysia. Sehubungan dengan itu, kawasan-kawasan ini perlu diberi perhatian dari segi usaha pemeliharaan dan pemuliharaannya supaya manfaat daripada kawasan ini terus dikecapai pada masa hadapan.

Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan

Mengukuhkan pengurusan sumber asli, sumber makanan dan sumber warisan negara bagi meningkatkan peranan dan fungsi sumber sebagai aset negara dalam menyokong pembangunan ekonomi dan sosial

- Mengukuhkan inisiatif *Heart of Borneo* untuk meningkatkan keberkesanan rangkaian koridor ekologi hutan di Sabah dan Sarawak;
- Melindungi habitat pantai dan laut (seperti kawasan bakau, terumbu karang dan rumput laut) melalui penubuhan Rangkaian Kawasan Perlindungan Marin seperti mewujudkan koridor ekologi merentasi sempadan di kawasan Terumbu Karang Segi Tiga / *Coral Triangle*;
- Mengekalkan kawasan fizikal jelapang padi iaitu IADA Kota Belud;
- Mewartakan habitat semula jadi yang kurang diberi perhatian dan mudah terdedah kepada perubahan iklim; dan
- Meningkatkan tahap sara-diri (*self-sufficiency*) dalam komoditi makanan (Padi, buah-buahan, sayur-sayuran, perikanan dan ternakan).

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD1

Pengurusan Sumber Air yang Mampan

Meningkatkan jaminan dan kelestarian sumber air bagi menampung dan menyokong pembangunan ekonomi serta sosial pada jangka masa panjang

- Mewartakan dan melindungi hutan di kawasan hulu lembangan sungai untuk mengekalkan punca bekalan air;
- Mempertingkat kualiti sumber air dalam menyediakan bekalan air mampan;
- Melaksanakan penggunaan semula air;
- Membangunkan sumber air bawah tanah; dan
- Mengurus sumber air bawah tanah untuk menjamin ketersediaan air.


Rujuk Bab 4,
Bahagian KD1
dan KD3

Bandar Rendah Karbon dan Infrastruktur Mampan

Pembangunan adalah selaras dengan perancangan jangka masa panjang bagi meningkatkan daya tahan negara melalui penggunaan teknologi yang bersesuaian

- Menggalakkan pembangunan tenaga biogas dan biojisim di kawasan perladangan; dan
- Meningkatkan penggunaan sumber tenaga lain yang boleh diperbaharui seperti sumber angin, tenaga solar, mini hidro dan hidro.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD3



RAJAH 6.35 : PENGURUSAN SUMBER NEGERI SABAH

RAJAH 6.35

SUMBER SEMULA JADI

- [Green square] Hutan Simpanan Kekal
- [Yellow square] Kawasan Perlindungan

SUMBER MAKANAN

- [Yellow square] Tanaman Padi di Luar
- [Yellow square] Jelapang Padi Negara

SUMBER TENAGA

- [Blue wavy line] Sungai
- [Orange square] Tanaman Kelapa Sawit

LAIN-LAIN

- [Green square] Hutan
- [Yellow square] Pertanian Lain
- [Pink square] Heart of Borneo
- [Diagonal hatching] Kondor Hutan
- [Grey square] Tepu Bina Sedia Ada
- [Light blue square] Badan Air
- [Light blue circle] Taman Laut
- [Wavy line] Lebuhraya / Jalan Raya Utama

PENGURUSAN KAWASAN BERISIKO BENCANA SEMULA JADI

Pengenalpastian kawasan risiko bencana semula jadi bertujuan memberi indikasi bagi penelitian lebih terperinci dalam perancangan pembangunan. Penelitian terperinci hendaklah dilaksanakan di peringkat pelan-pelan pembangunan negeri dan pihak berkuasa tempatan serta dalam kelulusan perancangan. Impak bencana semula jadi perlu menjadi antara faktor penelitian dalam perancangan serta dalam membuat keputusan berkaitan pembangunan.

INFO RINGKAS RISIKO BENCANA SEMULA JADI NEGERI

Bilangan petempatan dijangka berisiko gempa bumi:

8 petempatan utama

Jumlah penduduk dianggar terkesan risiko banjir:

687 ribu penduduk, 22% daripada keseluruhan penduduk

Kawasan Risiko Bencana Semula Jadi Negeri Sabah

- Melaksanakan garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk kawasan bandar dan luar bandar yang sering dilanda banjir;
- Memastikan pengurusan pembangunan yang efektif dalam kawasan mudah banjir;
- Melaksanakan langkah-langkah tebatan banjir untuk melindungi kawasan luar bandar dari banjir;
- Melaksanakan rancangan pengurusan banjir melalui perancangan guna tanah (dalam penyediaan Pelan Struktur Negeri dan Pelan Tempatan) dan penyediaan infrastruktur saliran;
- Memastikan rancangan pembangunan dan perlindungan kawasan persisiran pantai dengan mengambil kira impak perubahan iklim dan bencana alam sekitar;
- Mengawal pembangunan kawasan bukit dan tanah tinggi; dan
- Meningkatkan persediaan terhadap gempa bumi.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD2

Risiko Berlaku Tanah Runtuh dan Gempa Bumi

- Melibatkan kawasan petempatan utama iaitu Ranau.

Risiko Berlaku Banjir dan Tsunami


- Melibatkan kawasan petempatan utama iaitu Kota Marudu, Kota Belud, Tuaran dan Papar.

Risiko Berlaku Tsunami dan Gempa Bumi

- Melibatkan kawasan petempatan utama iaitu Kunak dan Lahad Datu.

Risiko Berlaku Banjir

- Melibatkan kawasan petempatan utama iaitu Kuala Penyu, Putatan, Kota Kinabalu, Kudat, Pitas, Kinabatangan, Sandakan, Semporna dan Tawau.



RAJAH 6.36 : PENGURUSAN KAWASAN BERISIKO BENCANA SEMULA JADI NEGERI SABAH

RISIKO BENCANA SEMULA JADI

- Risiko Berlaku Banjir dan Tsunami
- Risiko Berlaku Tanah Runtuh dan Gempa Bumi
- Risiko Berlaku Tsunami dan Gempa Bumi
- Risiko Berlaku Banjir
- Risiko Berlaku Tanah Runtuh
- Risiko Berlaku Tsunami
- Risiko Berlaku Gempa Bumi
- Risiko Berlaku Bencana adalah Rendah

BACAAN UNJURAN KENAIKAN ARAS LAUT DI PELABUHAN

- Unjuran Tahun 2040
- Unjuran Tahun 2100

LAIN-LAIN

- Kawasan Tepu Bina Sedia Ada dan Masa Hadapan
- Bandar Utama
- .. Pekan / Petempatan Kecil / Kampung
- ~ Sungai
- ~ Sempadan Negeri / Daerah / Mukim

Wilayah Persekutuan Labuan

RANGKA PERTUMBUHAN SPATIAL

Rangka ini adalah bertujuan mengurus kawasan pertumbuhan dengan lebih efisien serta memudahkan pengaplikasian cadangan dalam pembangunan guna tanah masa hadapan. Kawasan pertumbuhan yang terbahagi kepada empat (4) kawasan utama iaitu kawasan Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan (ZPP), Pusat Katalis dan Pusat Agropolitan adalah sebagai hab pemangkin pertumbuhan ekonomi di peringkat wilayah dan nasional.

INFO RINGKAS NEGERI

Jumlah Keluasan Negeri:

9,542 hektar

Keluasan tumpuan bina semasa:

4,068 hektar

Jumlah penduduk (2010):

83.9 ribu penduduk

Jumlah penduduk (2015):

94.6 ribu penduduk

Jumlah penduduk (2040 - berdasarkan unjuran RFN Ke-3):

140 ribu penduduk

Nota: Keluasan sempadan negeri adalah berdasarkan maklumat GIS sempadan negeri daripada JUPEM. Keluasan negeri mungkin berbeza dengan keluasan sebenar disebabkan oleh perbezaan data GIS. Namun perbezaan tersebut bersifat marginal dan boleh diterima untuk analisis spatial makro.

Pertumbuhan Bandar yang Seimbang dan Pembangunan

Guna Tanah yang Holistik

Memperkuuh peranan bandar sebagai pemangkin pembangunan dan menggalakkan pembangunan yang bersepadu di kawasan luar bandar bagi merangsang pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan kukuh

- Mempergiatkan pembangunan di ZPP Labuan;
- Memperkuuh peranan pintu masuk di lapangan terbang dan pelabuhan laut sebagai pemangkin utama ekonomi bandar;
- Meningkatkan rantaian nilai tinggi aktiviti perkhidmatan dan perindustrian; dan
- Menggalakkan pemuliharaan dan pembangunan semula bandar

Rujuk Bab 3,
Bahagian PD1
dan KD2

Hubungan dan Akses yang Dipertingkat dan Mampan

Pembangunan jaringan pengangkutan dan perhubungan yang komprehensif bagi meningkatkan tahap kemudahsampaian dan memilih untuk menyokong pertumbuhan ekonomi

Rujuk Bab 3 dan Bab 4, Bahagian PD3,KD2 dan KD3

- Mempertingkatkan perhubungan bandar melalui pembangunan sistem pengangkutan awam yang menyeluruh serta merangsang penggunaan mod pengangkutan awam rendah karbon;
- Membangunkan teksi air dan perkhidmatan feri (Terminal Feri Antarabangsa Labuan);
- Mempertingkat logistik dan pengurusan rantaian bekalan; dan
- Membangunkan pelabuhan Labuan bagi menceburi pasaran baru di BIMP-EAGA.

Rujuk Bab 5,
Bahagian KI1
dan KI2

Pembangunan Komuniti Inklusif

Menggalakkan penglibatan komuniti dalam memperbaiki kualiti persekitaran kehidupan termasuk kawasan kejiranan serta ruang awam

- Menyediakan kesediaan perumahan mampu milik bagi kumpulan sasaran isi rumah B40 dan M40 di kawasan perbandaran;
- Menyediakan akses dan menambah baik kemudahan komuniti berkualiti termasuklah kemudahan persekolahan dan perkhidmatan kesihatan; dan
- Mewujudkan tempat dan kesepaduan komuniti melalui memperkuuh kepentingan budaya dan menjadikan ruang awam sebagai ruang kehidupan.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD3

Pembangunan dan Perlindungan Persisiran Pantai

Memastikan pembangunan persisiran pantai secara terkawal bagi melindungi dan mengurangkan gangguan terhadap aset pantai

- Melindungi dan memelihara kawasan persisiran pantai dan pulau-pulau yang mempunyai kepentingan dari segi kepelbagaiannya biologi dan memainkan peranan dalam aspek ekonomi dan sosial; dan
- Mengawal aktiviti tebus guna tanah di kawasan persisiran pantai dan kawasan sensitif alam sekitar.


L a u x C h i n d S e i g n



ZPP LABUAN

Fokus Utama :

- Pusat Pentadbiran Negeri
 - Pusat Perdagangan dan Kewangan
 - Aktiviti Perindustrian (Minyak dan Gas dan Hab Halal)
 - Aktiviti Pelancongan
 - Pengangkutan, Perhubungan dan Logistik



RAJAH 6.37 : RANGKA PERTUMBUHAN SPATIAL WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

KAWASAN PERTUMBUHAN	KAWASAN PEMELIHARAAN & PEMULIHARAAN	KAWASAN PERTANIAN	LAIN-LAIN
□ Zon Promosi Pembangunan (ZPP)	■ Hutan	■ Tanaman Komoditi	■ Pelabuhan
■■■ Zon Pembangunan Persisiran Pantai	■ Badan Air		■ Terminal
□ Tepu Bina Sedia Ada	■■■ Zon Perlindungan Persisiran Pantai		■ Lapangan Terbang
■ Tepu Bina Masa Hadapan			~ Jalan Raya
			--- Cadangan Jambatan
			*-- Laluan Feri
			— Sempadan Wilayah Persekutuan Labuan



PENGURUSAN SUMBER

Kawasan sumber asli yang terdiri daripada kawasan hutan, habitat semula jadi, sumber air serta sumber mineral, berserta kawasan pertanian untuk pengeluaran makanan dan kawasan warisan semula jadi serta arkeologi merupakan aset negara yang memainkan peranan penting dalam sistem sokongan kehidupan rakyat Malaysia. Sehubungan dengan itu, kawasan-kawasan ini perlu diberi perhatian dari segi usaha pemeliharaan dan pemuliharaannya supaya manfaat daripada kawasan ini terus dikecapi pada masa hadapan.

Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan

Mengukuhkan pengurusan sumber asli, sumber makanan dan sumber warisan negara bagi meningkatkan peranan dan fungsi sumber sebagai aset negara dalam menyokong pembangunan ekonomi dan sosial.

- Melindungi habitat pantai dan laut melalui penubuhan Rangkaian Kawasan Perlindungan Marin;
- Mewartakan habitat semula jadi yang terdedah kepada perubahan iklim; dan
- Meningkatkan tahap sara diri (*self-sufficiency*) dalam komoditi makanan.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD1

Pengurusan Sumber Air yang Mampan

Meningkatkan jaminan dan kelestarian sumber air bagi menampung dan menyokong pembangunan ekonomi serta sosial pada jangka masa panjang

- Mempertingkat kualiti sumber air dalam menyediakan bekalan air mampan;
- Melaksanakan penggunaan semula air; dan
- Mengurus sumber air untuk menjamin ketersediaan air.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD1
dan KD3

Bandar Rendah Karbon dan Infrastruktur Mampan

Pembangunan adalah selaras dengan perancangan jangka masa panjang bagi meningkatkan daya tahan negara melalui penggunaan teknologi yang bersesuaian

- Menggalakkan pembangunan tenaga biogas dan biojisim di kawasan perladangan; dan
- Meningkatkan penggunaan sumber tenaga lain yang boleh diperbaharui seperti sumber angin, tenaga solar, mini hidro dan hidro.

Rujuk Bab 4,
Bahagian KD3



RAJAH 6.38 : PENGURUSAN SUMBER WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

SUMBER TENAGA
~~~~ Sungai

**LAIN-LAIN**  
 Hutan  
 Pertanian  
 Tepu Bina Sedia Ada  
 Tanah Kosong  
 Badan Air

Taman Laut  
 Lebuh Raya / Jalan Raya Utama  
---- Sempadan Wilayah Persekutuan Labuan

## PENGURUSAN KAWASAN BERISIKO BENCANA SEMULA JADI

Pengenalpastian kawasan risiko bencana semula jadi bertujuan memberi indikasi bagi penelitian lebih terperinci dalam perancangan pembangunan. Penelitian terperinci hendaklah dilaksanakan di peringkat pelan-pelan pembangunan negeri dan pihak berkuasa tempatan serta dalam kelulusan perancangan. Impak bencana semula jadi perlu menjadi antara faktor penelitian dalam perancangan serta dalam membuat keputusan berkaitan pembangunan.

### INFO RINGKAS RISIKO BENCANA SEMULA JADI NEGERI

Bilangan petempatan dijangka berisiko tsunami:

**Seluruh kawasan Labuan**

Jumlah penduduk dianggar terkesan risiko Tsunami:

**94.6 ribu penduduk, 100% daripada jumlah keseluruhan penduduk**

#### Kawasan Risiko Bencana Semula Jadi Wilayah Persekutuan Labuan

- Melaksanakan cadangan daripada Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk kawasan bandar dan luar bandar yang sering dilanda banjir;
- Memastikan pengurusan pembangunan yang efektif dalam kawasan mudah banjir;
- Melaksanakan langkah-langkah tebatan banjir untuk melindungi kawasan luar bandar dari banjir;
- Melaksanakan rancangan pengurusan banjir melalui perancangan guna tanah (dalam penyediaan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan) dan penyediaan infrastruktur saliran;
- Memastikan rancangan pembangunan dan perlindungan kawasan persisiran pantai dengan mengambil kira impak perubahan iklim dan bencana alam sekitar; dan
- Mengawal pembangunan kawasan bukit.

Rujuk Bab 4,  
Bahagian KD2

#### Risiko Berlaku Tsunami

- Melibatkan kawasan petempatan utama iaitu di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan Labuan.



**RAJAH 6.39 : PENGURUSAN KAWASAN BERISIKO BENCANA SEMULA JADI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

| RISIKO BENCANA SEMULA JADI | BACAAN UNJURAN KENAIKAN ARAS LAUT DI PELABUHAN | LAIN-LAIN                                    |
|----------------------------|------------------------------------------------|----------------------------------------------|
| Risiko Berlaku Tsunami     |                                                |                                              |
|                            | Unjuran Tahun 2040                             | Kawasan Tepu Bina Sedia Ada dan Masa Hadapan |
|                            | Unjuran Tahun 2100                             | Bandar Utama                                 |
|                            |                                                | Pekan / Petempatan Kecil / Kampung           |
|                            |                                                | Sungai                                       |
|                            |                                                | Sempadan Negeri / Daerah / Mukim             |